

21 NOV 1997

DR MAHATHIR PELAWA FIRMA KANADA SERTA MSC

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelawa firma-firma Kanada supaya menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam apa yang dianggap sebagai keadaan sama-sama menguntungkan bagi Malaysia dan firma asing yang menyertai dalam projek raksasa itu.

Dr Mahathir berkata Kanada, yang berada di barisan hadapan dalam Teknologi Maklumat (IT) terutamanya dalam teknologi gentian optik, boleh memindahkan teknologi kepada Malaysia yang berminat membangunkan teknologi tempatan baru kepada Malaysia.

Kepakaran di dalam gentian optik inilah yang membolehkan Kanada membekalkan kabel dasar laut pertama dari Eropah ke Newfoundland.

Dan "rangkaian gentian optik dengan keupayaan menghantar 2.5 hingga 10 gigabit-seminit akan mengadakan tetulang belakang bagi MSC," katanya di dalam ucapan beliau pada Persidangan Pelabur Kanada di Ottawa hari ini.

Ucapannya disampaikan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak.

Perdana Menteri berkata Malaysia mahu menjadi sebahagian daripada usaha industri global membangunkan penyelesaian-penyelesaian multimedia pintar bagi menguruskan pelbagai pilihan maklumat yang meledak hari ini.

Katanya MSC menjanjikan janji niaga yang baik bagi semua kerana fasa kedua projek MSC akan menyaksikan ia dihubungkan dengan bandaraya-bandaraya lain di Malaysia dan di seluruh dunia.

"Pada masa itu, kami menjangka lebih 250 syarikat di dalam MSC dan menjelang tahun 2020, seluruh negara akan menjadi Koridor Raya Multimedia dengan sejumlah sekurang-kurangnya 12 bandaraya pintar dihubungkan kepada lebuhraya maklumat global."

Dengan itu ia menjadi "hubungan global kepada semua bandaraya pintar lain di planet Bumi ini dan para peserta MSC akan meningkat kepada 500 perusahaan bertaraf dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata prasarana "perkakasan" sedang dibangunkan berasaskan laluan cepat, tetapi prasarana "perisian" adalah satu bidang yang akan memerlukan inovasi yang terbesar.

Sebagai insentif selanjutnya bagi firma-firma yang mahu melabur di dalam MSC, Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Taraf MSC boleh berurusan terus dengan beliau selaku pengerusi Majlis Pelaksanaan MSC dan Panel Penasihat Antarabangsa atau timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara MSC telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada Hollywood, Silicon Valley, United Kingdom, Hungary dan Jepun, Dr Mahathir berkata beliau berharap syarikat-syarikat Kanada tidak lama lagi akan diwakili di dalam MSC.

Apa yang menggembirakan ialah bahawa firma telekomunikasi, Bell Canada, telahpun terbabit dalam MSC dengan pengerusinya, Lynton Wilson telah menerima pelawaan untuk menyumbang di dalam Panel Penasihat Antarabangsa bagi menasihati Malaysia mengenai koridor itu.

Di samping itu, Simon Fraser University Kanada adalah perunding utama yang diambil untuk membantu menubuhkan Universiti Multimedia yang pertama di koridor itu, manakala Malaysia juga berminat terhadap mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan ke dalam IT.

Di sini, beliau menyebut Nortel Kanada peserta penting IT yang lima buah kilang di Malaysia, yang perbelanjaan R&D yang besar adalah sesuatu yang Malaysia mahu contohi supaya membolehkan menterjemahkannya menjadi

pengeluaran komersil.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia berminat mengembangkan rangkaian perdagangan dan pelaburan dengan Kanada.

Perdagangan dua hala berlipat ganda di antara 1993-1996 daripada cuma lebih AS\$1 bilion (RM3.4 bilion) kepada AS\$2.1 bilion (RM7.14 bilion), manakala eksport Kanada ke Malaysia berjumlah AS\$536.5 juta (RM1.824 bilion) dan eksport Malaysia ke Kanada adalah sebanyak AS\$1.6 bilion (RM5.44 bilion). -- BERNAMA

MR OS